# Kelantan rancang vaksin pelajar sekolah September depan



IZANI HUSIN

Oleh ROSALWANI CHE SOH 24 Ogos 2021, 4:54 pm

KOTA BHARU: Kerajaan negeri Kelantan merancang memulakan pemberian vaksin Covid-19 kepada pelajar sekolah berumur 17 dan 18 tahun di seluruh negeri ini bermula pertengahan September depan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan negeri, Dr. Izani Husin berkata, langkah itu dijangka membantu Kelantan mencapai imuniti kelompok lebih cepat.

"Kita buat perancangan untuk vaksin pelajar sekolah bermula pertengahan September ini.

"Ia merupakan sebahagian daripada usaha kita untuk melindungi para pelajar yang bakal memulakan sesi persekolahan tidak lama lagi," katanya dalam persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan, di sini hari ini.

Dr. Izani berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Abdul Aziz Kadir (Pas- Jelawat) mengenai kegusaran ibu bapa terhadap perkara itu memandangkan sesi persekolahan bakal bermula tidak lama lagi.

Terdahulu, Dr. Izani berkata, berdasarkan trend vaksinasi yang semakin meningkat kebelakangan ini, imuniti kelompok dijangka dapat dicapai di Kelantan pada akhir September atau pertengahan Oktober.

Sebagai usaha ke arah itu, kata beliau, Kelantan telah memohon tambahan sebanyak 200,000 dos vaksin daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, tidak termasuk 700,000 dos vaksin yang bakal diterima bulan depan.

"Setakat Sabtu lalu, jumlah individu yang disuntik vaksin bagi dos pertama adalah sebanyak 54 peratus manakala dos kedua 34.4 peratus. Jumlah ini meningkat kerana semakin ramai yang mahu divaksin," katanya. -UTUSAN ONLINE


## BERITA SELANJUTNYA

by



Kecewa RTM tiada liputan

AD



Australia's No1 Natural



Suami cari rezeki di

Paralimpik Tokyo 2020 | Skincare Brand. 15% of… | Malaysia, wanita…





Pelaburan Bitcoin RM1,000 Yang Membu…

Sultanah Nur Zahirah perlu beri keterangan…

Bintang TikTok maut jatuh bangunan semasa raka…





Hina Permaisuri Agong:

Bipasha Basu ketagih

Siasatan kes Ebit Lew:



## POPULAR



**"Pernah dimaki, terima ugutan bunuh" – Kodi Rasheed sedia dikecam lagi**

25 Ogos 2021, 10:50 am



**18 pendatang mati lemas di perairan Libya**

25 Ogos 2021, 10:30 am





**Caprice bila balik Malaysia?**
25 Ogos 2021, 10:15 am



**Tilapia Kedah hanyut ke Bagan Serai**
25 Ogos 2021, 10:00 am

Arzeti gesa kerajaan segera bantu anak yatim piatu

Ahmad Zahid bukan buat-buat sakit

Inisiatif keprihatinan Suria FM

Saya puas jadi anak seni – Amy Mastura

Perlukah dos ketiga vaksin Covid-19?

Henti berbalah, terus fokus tangani Covid-19

## BERITA BERKAITAN





## “Pernah dimaki, terima ugutan bunuh” – Kodi Rasheed sedia dikecam lagi

25 Ogos 2021, 10:50 am



## 18 pendatang mati lemas di perairan Libya

25 Ogos 2021, 10:30 am



## Caprice bila balik Malaysia?

25 Ogos 2021, 10:15 am



### Tilapia Kedah hanyut ke Bagan Serai

25 Ogos 2021, 10:00 am

PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami